

um 26/2/05 27:4

Forum Pembangunan Mampun di UUM

SINTOK 23 Feb. - Fakulti Pengajian Antarabangsa (FPA) Universiti Utara Malaysia (UUM) buat julung kalinya akan menganjurkan Forum Pembangunan Mampun yang membincangkan kepimpinan alam sekitar di universiti itu esok.

Forum kendalian pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Hal Ehwal Antarabangsa itu bertujuan mewujudkan keprihatinan pelajar dan masyarakat mengenai kepentingan biodiversiti terhadap ekosistem dunia.

Menurut pengarah projek itu, Iznida Hayu Che Hashim, forum itu juga bertujuan meningkatkan rasa tanggungjawab masyarakat terhadap permasalahan alam sekitar yang berlaku di kawasan setempat.

"Di samping itu ia juga bagi mengurangkan sentimen masyarakat yang menganggap masalah

alam sekitar sebagai isu kelas kedua," katanya dalam kenyataan akhbar hari ini.

Menurut Iznida, forum itu juga sejajar dengan kehendak Perdana Menteri supaya masyarakat tidak alpa mengenai isu penjagaan alam sekitar walaupun negara sedang melangkah ke arah sebuah negara maju menjelang 2020.

Jelasnya, forum yang akan memberi pendedahan kepada peserta tentang kepentingan keseimbangan pembangunan ekonomi dan pemuliharaan alam sekitar itu akan dirasmikan oleh Dekan FPA, Muhammad Fuad Othman.

Ahli Parlimen Jerai, Datuk Paduka Badruddin Amiruldin antara yang diundang sebagai salah seorang ahli panel akan membincangkan mengenai 'Peranan Pemimpin Dalam Merealisasikan Pembangunan Mampun'.